

Thailand, Kemboja sedia bincang reda ketegangan

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet dan Perdana Menteri Thailand, Anutin Charnvirakul menyatakan kesediaan dan terbuka untuk terus berunding bagi meredakan ketegangan susulan pergolakan yang berlaku di sempadan kedua negara, baru-baru ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, memaklumkan sudah menghubungi kedua pemimpin negara itu menerusi panggilan telefon kelmarin, bagi membincangkan hal berkenaan.

“Semalam (kelmarin) saya telah berhubung dengan Perdana Menteri Kemboja dan Thailand bagi membincangkan pergolakan yang berlaku di kawasan sempadan kedua-dua negara.

“Saya menghargai keterbuka-

an serta kesediaan kedua-dua pemimpin untuk terus berunding demi meredakan ketegangan dan mengelakkan sebarang salah anggap yang boleh memburukkan keadaan,” katanya dalam hantaran di Facebook semalam.

Meskipun belum ada penyelesaian tuntas dicapai, Anwar berkata, usaha diplomasi berterusan telah memastikan tiada insiden yang lebih serius berlaku dalam beberapa jam yang kritikal ini.

“Malaysia akan terus mendukung dialog aman, penyelesaian berasaskan undang-undang antarabangsa serta kerjasama serantau demi menjaga kestabilan dan keselamatan rantau kita bersama,” katanya.



Anwar ketika berbincang bersama Hun Manet dan Anutin Charnvirakul melalui panggilan telefon, kelmarin.

(Foto FB Anwar Ibrahim)